

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0. PENDAHULUAN

Bab kelima merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Penulis akan membuat rumusan tentang kajian yang dilakukan kepada 100 orang sampel di kalangan pelajar. Dalam bab ini juga penulis akan mengemukakan beberapa cadangan untuk memperbaharui dan menambahkan keberkesanan bahasa Arab . Struktur frasa objek adalah sangat penting dalam memahami apa yang hendak disampaikan oleh penutur atau penulis. Ianya boleh membawa kepada salah faham dalam berkomunikasi sehala atau dua hala lebih-lebih lagi bahasa sekunder.

Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan-kelemahan pelajar dalam struktur ayat objek demi membantu melicinkan proses pembelajaran dan pengajaran serta pemerolehan bahasa dengan lebih tepat dan jelas. Sepanjang penitian yang mendalam melalui maklum balas yang diberikan oleh 100 orang pelajar, didapati bahawa kesalahan-kesalahan mereka berpunca dari minat terhadap bahasa Arab dan kelemahan penguasaan bahasa Arab. Ini dapat dibuktikan dalam jadual 25 (rujuk m/s 85 lampiran I m/s 141) yang menunjukkan 61% sampel berada dalam kumpulan sederhana dan tahap baik hanyalah 15% sahaja. Manakala 20% berada pada tahap lemah , dan 4% pada angka yang paling lemah.

Oleh yang demikian, kelemahan pelajar dapat dilihat dalam beberapa aspek tertentu sahaja dalam ayat objek. Penulis dapat mengkelaskan kelemahan pelajar yang dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

5.1. RUMUSAN SETIAP BAHAGIAN

Rumusan ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan sebenar pelajar dalam bahagian kefahaman, minat, penguasaan nahu, fleksi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan frasa objek. Implikasinya, ialah jalan penyelesaian masalah dapat diperoleh demi mempertingkatkan mutu penguasaan bahasa Arab.

5.1.1. Penguasaan Dan Kesilapan Dalam Penggunaan objek

1. Binaan ayat objek

Jadual 33 (rujuk m/s 94) menunjukkan tahap penguasaan pelajar membina ayat objek adalah baik. Namun begitu kesalahan-kesalahan masih lagi wujud. Hal ini berlaku kerana beberapa sebab utama :

- i) **Tidak dapat membezakan kata kerja transitif dan intransitif.**

Contoh jawapan mereka (rujuk soalan 1 m/s 144 lampiran 11)

1. (Orang Islam bersembahyang di masjid)
2. (Dua orang musafir telah pergi ke Kuala Lumpur)
3. (Pelajar itu telah berjaya dalam peperiksaan)

Jawapan di atas menunjukkan bahawa pelajar tidak mampu membina ayat objek dengan lengkap. Kesemua kata kerja di atas tidak memerlukan objek. Sebahagian kecil pelajar masih lagi tidak mengenali kata kerja transitif dan tak transitif. Mereka beranggapan kedua-duanya adalah sama.

ii) **Mereka tidak mengenali kata kerja transitif yang memerlukan objek.** Mereka hanya tahu menjawab soalan tanpa mengambil kira betul atau salah. Contoh jawapan mereka (rujuk soalan 3&5 m/s 144 – 145) adalah seperti berikut (Lampiran 11) :

Jawapan mereka yang salah

(Ayat tanpa objek)

1. قَتَلَ عَلِيًّا مُحَمَّدًا.

2. أَعْطَى الْمُدْبِرَ الْجَائِزَةَ.

3. جَعَلَتْ زَيْدًا كَرِيمًا.

4. أَكْرَمَتْ لَيْلَى مُوسَى.

5. شَرَبَتْ الْمَاءَ.

(Ayat objek)

1. سَلَمَ عَلَيْهِ مُحَمَّدٌ.

2. فَاطِمَةَ كَرِيمَةَ.

3. مُحَمَّدٌ فِي الْفَصْلِ.

4. فَوْقَ الشَّجَرَةِ طَائِرَةَ.

5. أُبُوهُ مُعْلِمٌ.

Ayat-ayat dalam kumpulan pertama adalah salah. Begitu juga dengan jawapan dalam kumpulan yang kedua. Kesalahan ini adalah berpunca daripada tidak mengenali kata kerja transitif yang memerlukan objek.

Jawapan yang betul

(Ayat objek)

1. أَعْطَى الْمُدْبِرَ الْجَائِزَةَ. (Pengetua telah memberi hadiah)

2. قَتَلَ عَلِيًّا مُحَمَّدًا. (Ali telah membunuh Muhammad)

3. جَعَلْتُ زَيْدًا كَرِيمًا. (Saya telah menjadikan Zaid mulia)

4. أَكْرَمْتُ لَيْلَى مُوسَى. (Laila telah memulikan Musa)

5. شَرَبْتُ الْمَاءَ. (Saya minum air)

(Ayat tanpa objek)

1. فَوْقَ الشَّجَرَةِ طَائِرٌ. (Burung di atas pokok)

2. أَبُوهُ مَعْلَمٍ. (Ayahnya seorang guru)

3. فَاطِمَةٌ كَرِيمَةٌ. (Fatimah seorang yang mulia)

4. مُحَمَّدٌ فِي الْفَصْلِ. (Muhammad di dalam kelas)

5. سَلَّمَ عَلَيْيِ بِمُحَمَّدٍ. (Ali bersalam dengan Muhammad)

iii) Penggunaan dan pemakaian kata nama lima sebagai objek

tidak tepat. Jadual 35 (rujukan m/s 98) menunjukkan tahap penggunaan pelajar dalam penggunaan kata nama adalah sederhana. Sejumlah 53% yang berjaya manakala bakinya adalah gagal. Kesalahan mereka kerana pemakaian kata nama ini bukan pada tempatnya. Contoh kesalahan mereka (rujuk soalan 2 m/s 144 lampiran 11)

1. قَرَأَ أَبُوكَ المَقْرُوْة. (Ayah awak membaca bahan bacaan)

2. إِنَّ أَبِيكَ الْمَعْلَمٌ. (Bahwasanya ayah awak seorang guru)

3. فَرَحَ أَبُوكَ. (Ayah awak gembira)

4. كَانَ مُحَمَّدٌ أَخَاكَ. (Sesungguhnya Muhammad saudara awak)

Dalam jawapan 1 dan 2, pelajar menggunakan kata nama sebagai pelaku kata kerja bukannya objek. Jawapan 3 dan 4 pula kata nama lima dijadikan sebagai kata nama dan predikat كَانَ .

2. Jenis-jenis objek dan bilangan objek

Jadual 40 (rujuk m/s 104) memperlihatkan tahap penguasaan pelajar dalam jenis dan bilangan objek adalah lemah. Hanya 35% sahaja yang berjaya menjawab dengan betul dan 55% memberi jawapan yang salah. Jumlah yang gagal amat besar sekali. Di antara kesalahan mereka adalah kerana tidak dapat menentukan dwitransitif dan tritransitif (rujuk soalan 24 m/s 150 lampiran 11). Contoh jawapan yang salah adalah seperti berikut :

SALAH

(Dwitransitif)

1. أَخْبَرْتُكَ الْعَدُوَّ جِبَّاً. (Saya beritahu kepada awak musuh itu pengecut)
2. حَدَّثْتُكَ الْخَبَرَ صَادِقاً. (Saya akan menceritakan kepada awak berita benar)

(Tritransitif)

1. ظَنَّتُ مُحَمَّداً مُعْلِمًا. (Saya sangka Muhammad guru)
2. جَعَلْتُ طَالِبًا نَجَاحًا. (Saya menjadikan Muhammad berjaya)

BETUL

(Tritransitif)

1. أَخْبَرْتُكَ الْعَدُوَّ جِبَّاً. (Saya beritahu kepada awak musuh itu pengecut)
2. حَدَّثْتُكَ الْخَبَرَ صَادِقاً. (Saya akan menceritakan kepada awak berita benar)

(Dwitransitif)

1. ظَنَّتُ مُحَمَّداً مُعْلِمًا. (Saya sangka Muhammad guru)
2. جَعَلْتُ طَالِبًا نَجَاحًا. (Saya menjadikan Muhammad berjaya)

Di antara kelemahan pelajar juga merujuk kepada ketidakupayaan mereka membezakan jenis-jenis objek dengan baik. Contoh (rujuk soalan 23 m/s 150 lampiran 11) :

فَلْتَ قُوْلَا كَرِيْمَا : (Saya telah kata dengan kata-kata yang mulia)

Jawapan pertama : كَرِيْمَا objek tepat.

Jawapan kedua : قُوْلَا objek sebab.

Kedua-dua jawapan pelajar di atas adalah salah. Jawapan yang pertama menunjukkan pelajar menyangka setiap kata nama berada di belakang adalah objek. Dengan itu pelajar cuba meneka jawapan berdasarkan pengalaman yang sedia ada. Perkataan itu merupakan kata sifat. Dalam jawapan yang kedua pula menunjukkan pelajar kurang mahir dengan jenis-jenis objek. قُوْلَا adalah objek Mutlaq. Kata nama ini lahir dari kata kerja dalam ayat tersebut dengan tujuan menguati atau menerangkan sesuatu perbuatan yang ditujukan oleh kata kerja tersebut.

3. Penguasaan fleksi objek

Jadual 42 (rujuk m/s 107) menunjukkan kelemahan pelajar dalam bahagian fleksi objek. Pelajar masih lagi pada tahap lemah iaitu 48% betul semua, 44% salah semua dan 8% tidak ada jawapan. Jumlah gagal melebihi kelulusan iaitu 52%. Antara kesalahan mereka adalah tidak dapat membezakan tanda akusatif duaan dengan kata nama lain (lihat soalan 27 m/s 151). Mereka memberi jawapan bagi tanda (--) akusatif duaan ialah baris di atas. Jawapan mereka

ini adalah mengikut hukum kebiasaan akusatif yang berbaris di atas. Pelajar-pelajar kurang arif tentang akusatif duaan yang melibatkan pertukaran huruf berlaku iaitu ن kepada huruf ن . Kesalahan mereka dapat dilihat pada jawapan soalan 30 (m/s 151 lampiran 11) di mana mereka menandakan baris yang salah. Contohnya : **كتابين**. Kesalahan ini adalah kerana pelajar-pelajar keliru dengan hukum jamak iaitu sebelum Ya, berbaris di bawah dan nun berbaris di atas berlawanan pula dengan duaan.

5.2. RUMUSAN SEBAB-SEBAB KELEMAHAN

PELAJAR

Melalui pemerhatian dan penelitian yang dibuat, penulis dapat merumuskan sebab-sebab utama kelemahan mereka dalam menjawab soalan yang dikemukakan ialah sebagaimana berikut :

1. Mereka tidak mampu memahami kehendak soalan yang telah dikemukakan. Para pelajar menjawab tidak mengikut kehendak soalan atau tidak menjawab soalan tersebut. Perkara ini diketahui melalui perbincangan tidak formal dengan guru terbabit.
2. Mereka kurang diberi pendedahan dengan soalan-soalan latihan yang dapat menolong mereka meningkatkan mutu kefahaman kehendak sebenar soalan yang dikemukakan. Masalah ini dibuktikan melalui satu kajian yang telah dilakukan oleh (Rusdi Arifin, 1998 :149), faktor utama yang menyebabkan pelajar

banyak melakukan kesilapan dalam bahasa Arab kerana kurang diberi latihan kemahiran.

3. Mereka kurang didedahkan dengan pertuturan bahasa Arab sama ada di sekolah dan di rumah atau di mana-mana sahaja. Proses pemahaman di kalangan pelajar bermula daripada kemahirannya mendengar pertuturan orang di sekitarnya. Bahasa itu akan mereka kuasai secara beransur-ansur dan seterusnya barulah kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran tatabahasa dikuasai.
4. Teknik pengajaran dan pembelajaran nahu tatabahasa Arab yang dilakukan tidak menarik minat pelajar dan menjemuakan mereka menyebabkan proses pemahaman tidak meningkat. Kenyataan tentang kaedah pengajaran guru nahu telah dijelaskan melalui kajian soal selidik oleh (Abdul Aziz Musa, 1998 : 40). Oleh yang demikian, kelemahan frasa objek adalah berkait rapat dengan pengajaran guru.
5. Peringkat asas penguasaan sintaksis bahasa Arab mereka amat lemah. Dengan ini, mereka tidak dapat menguasai tajuk-tajuk lain yang sentiasa berkait rapat di antara satu sama lain.
6. Kesedaran dan motivasi pelajar dalam pengajian bahasa Arab amat berkurangan. Menurut (Che Kamarudin Kamel Che Muhammad, 1999 : 78), menyatakan supaya para pelajar mengubah minda dan pemikiran dengan menolak pendapat yang mengatakan bahasa Arab susah. Kesan daripada kurang

motivasi menyebabkan pelajar tidak menghiraukan mata pelajaran tersebut.

5.3. FAKTOR KESILAPAN

Dengan menganalisis secara terperinci hasil dapatan kajian yang telah dijalankan kepada 100 orang sampel daripada jumlah pelajar tingkatan lima di sekolah SMU(A) Ma'ahad Muhammadi di Kota Bharu. Penulis dapat merumus kepada beberapa faktor yang akan dibincangkan di bahagian seterusnya .

5.3.1. Kurang Kemahiran dalam Pengkelasan Kata

Hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pelajar kurang kemahiran pengkelasan kata kerja dan kata nama dalam membina ayat yang lengkap. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 29 (rujuk m/s 90) yang mana peratus sederhana 57%, baik 27%, lemah 14% dan amat lemah 2%. Pelajar juga kurang kemahiran dalam menggunakan kata nama lima untuk dijadikan objek dalam ayat yang sempurna. Dalam jadual 35 (rujuk m/s 98) kumpulan sampel yang salah seramai 36% dari 100 orang pelajar dan yang tidak memberi sebarang jawapan sebanyak 11%. Jika dicampurkan kedua-dua jumlah ini hampir 50% pelajar lemah dalam aspek ini. Mereka yang betul-betul mampu hanyalah seramai 53% sahaja.

Sehubungan dengan itu, pelajar juga agak lemah untuk mengenal pasti kata kerja transitif dan tak transitif dalam ayat. Ini dapat dilihat dalam jadual 38 (rujuk m/s 102) . Jumlah pelajar yang

dapat menjawab dengan betul ialah 68% dan jumlah pelajar yang memberi jawapan yang salah adalah 32%. Walaupun jumlah peratus salah rendah iaitu 32%, namun jika dilihat dari sudut keseluruhan pelajar tingkatan lima, ia menunjukkan bilangan yang ramai. Maka dengan ini, boleh memberi kesan negatif kepada pencapaian dan kebolehan pelajar.

Ekoran daripada itu, para pelajar kurang mahir dengan jenis-jenis objek dan bilangannya. Mereka tidak dapat menentukan kata kerja yang mengakusatifkan kata nama dua objek atau lebih. Contohnya seperti berikut :

1. ظَنَّتُ مُحَمَّدَ تَاجِحاً . (Saya sangka Muhammad berjaya)
2. حَضَرَ عَسَىٰ وَمُونَسٰ . (Musa dan Isa telah tiba)
3. قَامَ زَيْدٌ إِجَالًا لِعَفْرٍ . (Zaid bangun menghormati Umar)
4. سَافَرَتِ الطَّائِرَةُ لِيَلَا . (Kapal terbang berlepas pada waktu malam)
5. شَرَبَ مُحَمَّدٌ شَرْبًا . (Muhammad telah minum secara bersungguh)

Contoh yang pertama menunjukkan kata kerja transitif yang mengakusatifkan dua objek. Dalam konteks ini pelajar hanya dapat memberikan satu objek sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 40 yang mana pengkaji mendapati bahawa penguasaan sampel begitu lemah sekali, buktinya kumpulan betul semua hanyalah 35% berbanding dengan jumlah kumpulan salah semua sebanyak 55%. Peratus pelajar yang tidak menjawab dan tidak memahami kehendak soalan ialah sebanyak 10%.

5.3.2. Kekeliruan

Setelah pengamatan dibuat melalui hasil kajian menunjukkan kekeliruan yang ketara di kalangan sampel dalam menentukan objek ialah kurang pengetahuan tentang ciri-ciri frasa objek serta tidak mengenali kata kerja yang memerlukan objek. Dalam pada itu kekeliruan ini dapat dikelaskan sebagaimana di bawah.

i) Kekeliruan Dari Segi fleksi

Kesulitan para pelajar menentukan objek pada kata nama tetap yang tidak berubah baris akhiran perkataan berada dalam satu keadaan. Jenis perkataan ini tetap tidak berubah sama ada pada tempat nomatif, akusatif, genetif dan jusif. Contohnya :

1. جاء مُوسى : (Musa datang)
2. رَأَيْتُ مُوسى : (Saya lihat Musa)
3. مَرَرْتُ بِمُوسى : (Saya berjalan dengan Musa)

Ketiga-tiga contoh di atas tadi adalah menunjukkan keadaan fleksi yang berlainan antara satu dengan lain. Bentuk dan baris akhiran sama tetapi peranan dan kedudukan berbeza antara satu sama lain. Antara faktor inilah menyebabkan pelajar selalu membuat kesilapan dalam menentukan objek dan mereka cuba memberi jawapan secara rambang. Mereka tidak dapat mengfleksi dengan baik sama ada hukum andaian atau zahir bagi tanda fleksinya. Kekeliruan ini juga berlaku pada kata jamak bagi kategori perempuan.

Contohnya :

أَكْرَمْتُ الْمُعَلَّمَاتِ الْمُؤَدِّبَاتِ : (saya muliakan guru yang beradab)

Kesalahan pelajar dalam hal ini untuk menentukan baris akhiran perkataan yang bergaris sama ada berbaris di atas sebagaimana jenis kata nama yang berubah atau disebaliknya. Kesamaran dan kekeliruan boleh berlaku pada kata nama jamak maskulin dengan kata nama duaan. Contohnya :

أَكْرَمْتُ الْمُسْلِمِينَ. Keadaan akusatif bagi kata nama objek tersebut adalah sama iaitu tanda nasab dengan huruf Yā'. Apa yang berbeza ialah kedudukan baris sebelum huruf yā'. Penguasaan dan kelemahan pelajar dilihat dalam jadual 41 (rujuk m/s ; 106) jumlah betul semua ialah 60%, salah semua 26% dan tanpa jawapan sebanyak 14%. Jumlah peratusan ini jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan para pelajar tingkatan lima adalah jumlahnya ramai. Jika dicampurkan kumpulan salah semua dengan kumpulan tanpa jawapan maka, jumlahnya agak besar dan perlu dipertingkatkan lagi mutu pengetahuan mereka tentang fleksi.

Selain itu, para sampel gagal mengemukakan jenis-jenis objek dengan tepat. Hal yang demikian, jelas dilihat pada maklum-balas sampel dalam jadual 39 (rujuk m/s 103). Jumlah peratus tertinggi pada tahap salah semua dengan angka 47%, betul semua 40% dan diikuti betul salah satu 13%. Mereka keliru untuk menentukan yang mana satukah objek atau kedua-duanya pelaku kata kerja. Lalu mereka menjawab mengikut selera mereka tersendiri. Setiap satu objek itu mempunyai ciri-ciri tertentu seperti objek iringen. Contohnya:

1. (Musa telah memukul Mustafa) ضَرَبَ مُوسَى وَمُصْطَفَى

2. (Musa dan Mustafa tiba) حَضَرَ مُوسَى وَمُصْطَفَى

Dalam contoh pertama kata kerja tersebut memerlukan objek iaitu Mustafa. Hal ini adalah kerana akhiran perkataan sama bentuk dan sama baris pada huruf sebelum akhir. Di sini akan menimbulkan keraguan untuk menentukan pelaku dan objek. Hal ini sama dengan contoh yang berikut :

هَذَا هُنَّا : (telah memukul ini! ini!) ضَرَبَ هَذَا هُنَّا

(telah memukul yang berdiri dan yang duduk) قَامَ الَّذِي جَسَسَ

أَكْرَمَ أَسْتَاذِي أَخِي : (Guru saya memuliakan saudara saya) أَكْرَمَ أَسْتَاذِي أَخِي

Kekeliruan yang berlaku di kalangan pelajar adalah kerana kurang kemahiran dalam sistem struktur ayat dan tidak dapat dibezakan antara satu dengan lain. Dalam hal yang demikian, sudah semestinya kembali kepada hukum asal iaitu, pelaku wajib mendahului objek. Namun bagi contoh yang kedua pula adalah berbeza kerana pada hukum asalnya kata kerja tersebut tidak memerlukan objek. Walaupun begitu dalam konteks ayat ini kata nama tersebut merupakan objek iringan.

ii) Pengaruh Bahasa ibunda

Berlaku perbezaan struktur ayat objek di antara bahasa Arab dengan bahasa-bahasa lain. Kesilapan bahasa biasanya berpunca daripada beberapa faktor seperti gangguan daripada bahasa ibunda, atau dialek bahasa pertuturan harian. Gangguan ini berlaku kerana struktur bahasa yang dipelajari tidak menyamai struktur

bahasa ibunda. Inilah menyebabkan pelajar membuat generalisasi yang salah dalam menjawab soalan.

Menurut seorang pakar bahasa Arab iaitu Abduh Al-Rājihi dalam seminar bahasa Arab yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Al-Rājihi 1990 : 3), kelemahan dan kemerosotan bahasa Arab sering dikaitkan dengan kelemahan nahu bahasa Arab. Ini kerana tanpa nahu maka seseorang itu tidak mungkin dapat mengungkapkan kata atau menterjemahkan apa yang terkandung di dalam pemikiran melalui percakapan atau penulisan.

5.3.3. Tenaga pengajar

Penguasaan objek dalam bahasa Arab berkait rapat dengan kemampuan dan pengkhususan guru bahasa Arab yang terlibat secara langsung. Di Ma'ahad Muhammadi bilangan tenaga pengajar bahasa Arab ialah seramai 49 orang tidak termasuk guru akademik. 37 dari kalangan mereka yang berijazah sementara 12 orang mempunyai Sijil Peringkat Thanawi dan sebahagian besar daripada mereka tidak terlatih secara langsung dengan pengajaran sintaksis bahasa Arab serta selok-belok bahasa tersebut (majalah sekolah Ma'ahad Muhammadi 1997 :12). Dengan itu mereka mengemukakan kaedah sendiri dalam pembelajaran dan pengajaran. Kaedah yang selalu digunakan adalah kaedah terjemahan dan kebanyakan mereka bukan dalam bidang pengkhususan bahasa Arab.

Selanjutnya, gerak kerja latihan tambahan kurang dilakukan dalam menguji pemerolehan pelajar sama ada berkesan atau tidak. Sedangkan pengujian dan latihan dapat menentukan sejauh manakah keberkesanan pengajaran guru dan pada tahap manakah penerimaan pelajar . Penilaian ini hendaklah dibuat dengan kerap dan berterusan bukannya hanya pada penghujung tahun manakala peperiksaan besar sahaja baru berlaku penilaian dibuat. Penilaian ini amat penting untuk memberikan maklumat balik kepada guru dan murid (Atan Long 1988 : 86).

Hal yang demikian berlaku adalah kerana bebanan tugas yang dipertanggungjawabkan terlalu banyak menyebabkan guru hilang daya kreatifnya.

5.3.4. Sikap Dan Motivasi Pelajar

Sikap para pelajar terlalu bergantung dan mengharap kepada guru semata-mata tanpa ada usaha ikhtiar demi mempertingkatkan pengetahuan bahasa Arab mereka. Para pelajar hanya mengharapkan apa yang diperoleh di dalam kelas semata-mata tanpa mempunyai inisiatif sendiri dalam sesuatu pembelajaran (Mohd Jailani Hamzah, 1995 : 213). Oleh itu, dorongan merupakan penggerak kepada tingkah laku bermatlamat. Dorongan terdiri daripada rangsangan yang muncul daripada keperluan (Siti Hawa Munji Ma'rif Redzuan, 1990 : 116). Dengan itu sikap dan motivasi pelajar amat penting dalam memperoleh pembelajaran mengenai objek.

5.3.5. Masa terhad

Kekurangan masa mengajar juga boleh menyumbangkan kepada kemerosotan penguasaan bahasa. Peruntukan masa yang diberikan amat terhad sekali iaitu 40 minit hanya untuk tiga kali seminggu sahaja. Jumlah peruntukan masa pembelajaran bagi sebulan sebanyak lapan jam. Peruntukan masa yang diberikan ini tidak mencukupi untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab menyebabkan pelajar tidak dapat mengesan kelainan makna kata, menggunakan golongan kata dalam pelbagai situasi, membina ayat yang betul, jelas dan gramatis. Kesannya pelajar kurang kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Oleh yang demikian, jelaslah kepada kita bahawa pelajar masih lagi berada pada tahap yang perlu diberi perhatian yang serius dan inilah di antara punca pelajar kurang menguasai objek dalam bahasa Arab.

5.4. CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian ini pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian untuk memperbaiki dan mempertingkatkan tahap pencapaian penguasaan objek terutama dalam bidang sintaksis yang merupakan tumpuan utama kajian ini.

5.4.1. Cadangan Kepada Pelajar

1. Para pelajar hendaklah berusaha mengubah minda menolak pendapat yang mengatakan bahasa Arab susah. Menanam

sikap yang positif seperti minat, perasaan ingin tahu, ingin mereka cipta, ingin meneroka rahsia bahasa Al-Quran.

2. Para pelajar hendaklah sentiasa menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa harian ketika bersama guru atau rakan sebaya walaupun di mana mereka berada.
3. Selalu meminta nasihat dan tunjuk ajar dari guru. Setiap permasalahan perlu diminta penjelasan dan bersikap terbuka apabila ditegur.
4. Para pelajar hendaklah sentiasa merujuk kepada tajuk-tajuk dipelajari kerana ianya berkait rapat antara satu sama lain terutama struktur ayat.
5. Pelajar juga hendaklah meningkatkan penguasaan bahasa di peringkat asas seperti mengenali ciri-ciri kata kerja, kata nama dan partikel. Kesannya pelajar dapat mengkelaskan golongan kata dengan baik dan mengenali frasa objek dengan tepat.
6. Pelajar hendak mengambil berat tentang fleksi . Apabila betul fleksi maka tepatlah maknanya. Jika tidak, pelajar akan sentiasa menghadapi masalah untuk menentukan objek dan pelaku dalam ayat yang sama bentuk dan barisnya.
7. Pelajar hendaklah membuat nota ringkas, carta dan lambang-lambang tertentu untuk memudahkan ingatan terutama bagi tajuk-tajuk yang rumit seperti penambahan huruf, gandaan huruf dan pertukaran wazan (timbangan kata kerja).
8. Pelajar perlu memilih teknik terbaik untuk menghafal sesuatu perkataan agar hafalannya mudah dan ingatannya

berpanjangan. Contohnya kata kerja khusus yang memerlukan dua objek dan tiga objek.

9. Pelajar hendaklah sentiasa mendampingi buku-buku, majalah, akhbar, artikel dan alat-alat sebaran lain yang menggunakan bahasa Arab.

5.4.2.Guru-Guru Bahasa

1. Guru merupakan agen yang paling dominan sekali dalam menjadi penggerak utama. Guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran bahasa Arab hendaklah mempunyai latar belakang yang cukup dalam aspek kebahasaan. Dalam hal ini Muhammad Abdul Rahman (1994 : 89), mencadangkan supaya setiap guru bahasa Arab hendaklah mengetahui istilah-istilah yang berkaitan dengan bidang khusus apabila mengajar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus tersebut. Contohnya guru mesti tahu istilah objek tepat, objek sebab dan sebagainya. Apa yang jelas kebanyakan guru menggunakan istilah sama dengan sebutan bahasa Arab seumpamanya.
2. Sebelum memulakan pengajaran guru diwajibkan mengetahui tahap kemampuan penguasaan pelajar mengenai tajuk objek dan kaitannya dengan topik-topik lain yang sudah atau belum dipelajarinya. Guru hendaklah menyelidiki aspek-aspek yang dikuasai oleh mereka dan sebaliknya. Aspek-aspek yang masih tidak dapat dikuasai perlu diulangi pengajarannya. Contohnya mengemukakan beberapa soalan mengenai ayat namaan dan ayat kerjaan. Biarkan pelajar menjawab secara

lisan dan bertulis. Jika jawapan mereka salah perbetulkan dan jika betul, perkembangkan hingga ke topik frasa objek.

3. Di akhir pengajaran dan pembelajaran, guru hendaklah membuat penilaian sama ada berbentuk soal jawab, bertulis, teka-teki atau melalui kerja rumah. Ini akan dapat membantu guru memastikan objektif pengajarannya tercapai atau disebaliknya.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa guru-guru mesti mengkaji dan meneliti teori-teori pedagogi tentang kaedah pengajaran bahasa Arab dan mengikuti kursus pengajaran bahasa. Guru juga perlu mengemukakan pelbagai ujian dan gerak kerja latihan bertulis berhubung dengan objek bahasa Arab, membuat ayat dan mencari makna istilah bersesuaian dan boleh diterima pakai.

4. Guru hendaklah peka dengan keberkesanannya teknik pengajaran yang digunakan. Guru mengemukakan beberapa kata nama, kata kerja transitif dan tak transitif dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Setiap kata nama hendaklah dijadikan frasa objek di belakang, objek di hadapan, pelaku kata kerja, subjek, predikat dan sebagainya.

Contohnya : Ahmad (أَحْمَدٌ)

1. (Objek belakang).

أَحْمَدٌ = ضَرَبَ عُمَرُ (Omar telah memukul Ahmad)

2. (Objek hadapan).

أَحْمَدٌ = ضَرَبَتِهُ (Ahmad telah dipukul oleh saya)

3. (Subjek dan predikat).

أَحْمَدٌ = حَمِيلٌ (Ahmad cantik)

lisan dan bertulis. Jika jawapan mereka salah perbetulkan dan jika betul, perkembangkan hingga ke topik frasa objek.

3. Di akhir pengajaran dan pembelajaran, guru hendaklah membuat penilaian sama ada berbentuk soal jawab, bertulis, teka-teki atau melalui kerja rumah. Ini akan dapat membantu guru memastikan objektif pengajarannya tercapai atau disebaliknya.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa guru-guru mesti mengkaji dan meneliti teori-teori pedagogi tentang kaedah pengajaran bahasa Arab dan mengikuti kursus pengajaran bahasa. Guru juga perlu mengemukakan pelbagai ujian dan gerak kerja latihan bertulis berhubung dengan objek bahasa Arab, membuat ayat dan mencari makna istilah bersesuaian dan boleh diterima pakai.

4. Guru hendaklah peka dengan keberkesanan teknik pengajaran yang digunakan. Guru mengemukakan beberapa kata nama, kata kerja transitif dan tak transitif dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Setiap kata nama hendaklah dijadikan frasa objek di belakang, objek di hadapan, pelaku kata kerja, subjek, predikat dan sebagainya.

Contohnya : Ahmad (أَحْمَدٌ)

1. (Objek belakang).

أَحْمَدٌ = ضَرَبَ عُمَرَ (Omar telah memukul Ahmad)

2. (Objek hadapan).

أَحْمَدٌ = ضَرَبَتْهُ (Ahmad telah dipukul oleh saya)

3. (Subjek dan predikat).

أَحْمَدٌ = أَحْمَدَ جَمِيلَ (Ahmad cantik)

4. (Pelaku)

سَقَرَ أَحْمَدُ وَلَيْلًا = Ahmad bermusafir pada waktu malam)

Pada masa yang sama guru hendaklah menerangkan kedudukan baris dalam ayat-ayat tersebut sama ada akusatif, nomatif dan sebagainya. Guru hendaklah sentiasa peka dan memberi penuh perhatian terhadap permasalahan pelajar dalam konteks ini.

5. Guru hendaklah memulakan pengajaran setelah pelajar bersedia menerima ajaran. Set induksi yang menarik perlu dilakukan untuk menarik minat pelajar semasa pembelajaran berlaku. Contohnya untuk mengajar tajuk objek, guru dicadang supaya menggunakan mana-mana bahan sebagai set induksi seperti gambar seorang pelajar dipukul oleh guru. Pelajar itu sebagai objek dan pelakunya adalah guru.
6. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru hendaklah memastikan ilmu yang diajar dapat diterima oleh pelajar. Pergerakan guru dalam kelas perlu diatur dengan baik. Mereka hendaklah sedar bahawa pengajaran bukan hanya tertentu kepada pelajar di hadapan sahaja. Mohd Jailani Hamzah (1995 : 216), berpendapat bahawa guru bahasa hendaklah sentiasa peka terhadap permasalahan pelajar dan keupayaan mereka dalam menerima pembelajaran
7. Latihan-latihan perlu disusuli dengan pembetulan. Latihan-latihan tersebut adalah ke arah kemahiran penulisan dan percakapan. Dicadangkan pembetulan secara terbuka di

hadapan semua pelajar jika kesalahan itu melibatkan keseluruhan pelajar. Contohnya kesalahan fleksi akusatif pada kata nama jamak bagi perempuan seperti **فاطمَاتُ الْمُسْلِمَاتُ**.

fleksi kata nama jamak ini dengan andaian iaitu baris di bawah sebagai gantian baris di atas.

8. Guru tidak harus sama sekali meletakkan dirinya sebagai pengajar semata-mata. Akan tetapi guru hendaklah jadikan dirinya sebagai pengawas umum pembelajaran, pengurus bilik darjah, perunding, penasihat, perangsang dan sebagainya (William Littlewood, Terjemahan Juriah Long 1992 : 121).
9. Guru adalah pusat pembelajaran dan aktif. Guru hendaklah sentiasa menarik perhatian pelajar dengan mempelbagaikan tugas latih tubi dan bijak memilih situasi yang sesuai untuk memilih struktur ayat frasa objek.
10. Guru hendaklah menggunakan kaedah perbandingan dalam pengajaran frasa objek dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu. Contohnya :objek di belakang.

Arab

ضَرَبَ زَيْدَ الْكَلْبَ

Melayu

Zaid memukul anjing

5.4.3. Pendekatan Strategi Pengajaran

Dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya pengajaran bahasa, proses penyampaian akan melibatkan tiga bentuk strategi, iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Pengajaran yang berkesan akan mengintegrasikan ketiga tiga bentuk ini secara harmoni (Kamarudin Hj Husin, 1994 : 31). Langkah dan teknik-teknik

pengajaran juga tidak kurang pentingnya. Pengkaji mengharapkan agar khalayak guru tidak terlalu bergantung kepada kaedah tradisional iaitu kaedah terjemahan dan syarahan.

Oleh yang demikian, para guru mesti mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran mengenai objek dan fungsinya dalam klausus ayat yang lengkap. Menurut Zulkifley Hamid (1996 :51-52), kita boleh meminjam kaedah dari orang lain tetapi kaedah yang dipinjam perlu disesuaikan dengan keadaan di Malaysia.

Keberkesanan pembelajaran adalah bergantung kepada bagaimana guru dapat menyampaikan bahan atau maklumat yang hendak dikuasai itu dan seterusnya dapat memiliki dan disimpan dalam bank ingatan jangka panjang dengan sempurna. Untuk memenuhi maksud ini, guru perlu ada satu cara yang dapat digunakan untuk menyalurkan maklumat itu secara berkesan.

Di sini penulis mencadangkan supaya para guru menggunakan satu kaedah tersendiri iaitu kaedah matematik dalam membina ayat yang lengkap. Contohnya klausus ayat lengkap dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ayat bermula dengan kata nama dinamakan sebagai ayat namaan dan ayat yang bermula dengan kata kerja di nama ayat kerjaan.

1) Ayat namaan

Teori dan contohnya sebagaimana berikut:

Intransitif :

1. $(1 \times 1 =)$
الْوَلَدُ نَامَ : (seorang budak itu telah tidur)

2. $(2 \times 2 =)$
الْوَلَدُانِ ثَمَّاً : (Dua orang budak itu telah tidur)

3. $(3 \times 3 =)$
الْأُولَادُ ثَامُوا : (Budak-budak itu telah tidur)

Transitif:

1. $(1 \times 1 \times ? =)$
الْوَلَدُ يَأْكُلُ الْأَرْزَ : (Seorang budak itu sedang makan nasi)

2. $(2 \times 2 \times ? =)$
الْوَلَدُانِ يَأْكُلُانِ الْأَرْزَ : (Dua orang budak sedang makan nasi)

3. $(3 \times 3 \times ? =)$
الْأُولَادُ يَأْكُلُونَ الْأَرْزَ : (Budak-budak itu sedang makan nasi)

Dalam ayat-ayat jumlah namaan $1 \times 1 =$, $2 \times 2 =$ dan $3 \times 3 =$ menunjukkan kesamaan fleksi, bilangan, lelaki dan perempuan di antara kerja dan kata nama. Kesamaan ini adalah wajib, jika tidak ayat ini salah dan tidak lengkap mengikut struktur bahasa Arab.

Dalam kumpulan kata kerja transitif pula ditambah dengan tanda tanya iaitu, $1 \times 1 \times ? =$, $2 \times 2 \times ? =$ dan $3 \times 3 \times ? =$. Hal yang demikian, menunjukkan ayat ini memerlukan objek. Kata kerja ini boleh lagi dipersoalkan dengan pertanyaan budak itu makan apa? Jawapannya nasi. Jadi nasi itu merupakan objek sebagai pelengkap ayat tersebut.

2) Ayat kerjaan

Teori dan contohnya sebagaimana berikut:

Intransitif :

1. $(1 \times 1 =)$
ثَامَ الْوَلَدُ : (Telah tidur seorang budak itu)

2. $(1 \times 2 =)$

: نَامَ الْوَلَدَانِ (Telah tidur dua orang budak itu)

3. $(1 \times 3 =)$

: نَامَ الْأُولَادَ (Telah tidur budak-budak itu)

Transitif:

1. $(1 \times 1 \times ? =)$

: يَأْكُلُ الْوَلَدُ الْأَرْضَ (Seorang budak itu sedang makan nasi)

2. $(1 \times 2 \times ? =)$

: يَأْكُلُ الْوَلَدَانُ الْأَرْضَ (Dua orang budak sedang makan nasi)

3. $(1 \times 3 \times ? =)$

: يَأْكُلُ الْأُولَادُ الْأَرْضَ (Budak-budak itu sedang makan nasi)

Setiap ayat yang dimulai dengan kata kerja sama ada transitif atau intransitif sentiasa tunggal (مُقْرَدٌ) sekalipun pelakunya dua atau lebih. Apa yang perlu dititik beratkan kata kerja dan pelaku ialah sama dari segi lelaki dan perempuan.

Penulis mencadangkan supaya para guru sentiasa menggabung jalin pengajaran bahasa dengan isi mata pelajaran lain. Guru hadith hendaklah mendedahkan jenis kata kerja transitif, intransitif, jenis-jenis objek dan kedudukan fleksi kepada pelajar dalam pengajarannya. Contoh pengajaran hadith - Tajuk : Hukum air kencing kanak-kanak susuan.

عن أم قيس بنت ممحون :

أَتَهَا أُنْثَى رَسُولُ اللهِ(ص) يَأْبَى لَهَا لَمْ يَتَلَغَّ أَنْ يَأْكُلَ الطَّعَامَ قَالَ عَبْدُ اللهِ أَخْبَرَنِيَ أَنَّ إِنْتَهَا ذَاكَ بَالَّا فِي حَجَزِ رَسُولِ اللهِ(ص) فَدَعَا رَسُولُ اللهِ(ص) يَمَاءَ فَنَضَحَّهُ عَلَى ثُوبِهِ وَلَمْ يَغْسِلْهُ غَسْلًا. (رواه المسلم).

Dari Ummu Qais binti Mihsan bahawa beliau datang berjumpa Rasul Allah bersama dengan anak kecilnya (masih dalam susuan), kata Ubaidillah yang telah diceritakan kepada beliau bahawa anak

kecil itu telah kencing di dalam bilik Rasul Allah, maka Rasul Allah meminta air untuk merenjis ke atas bajunya tanpa membasuh pakaianya secara bersungguh-sungguh (Hadith Riwayat Muslim).

Daripada pengajaran hadith ini guru perlu menerangkan dalam metode pengajaran mereka dan mengeluarkan kata kerja transitif seperti (يَغْسِلُ , يَضْحَى ، يَخْرُجُ ، يَأْكُلُ) kata kerja intransitif seperti (يَتَّلَعِّبُ) objek seperti (نَفْسًا ، غَسْلًا ، الطَّعَام) dan jenisnya. Guru juga boleh membuat metode pengajaran mengenai kata kerja transitif dan tidak transitif seperti membina beberapa ayat lengkap dari perkataan ini.

5.4.4. Penyemaian Minat Dan Sikap

Minat dan sikap adalah faktor utama dalam mencapai sesuatu kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru dicadangkan supaya sentiasa menunjukkan sikap dan minat yang tinggi terhadap bahasa Arab. Guru perlu menunjukkan kepentingan objek dalam struktur ayat-ayat bahasa Arab sebagai mana pentingnya baris fleksi. Jika tidak ayat itu tidak sempurna. Contohnya :

1. أَذْهَلَ عُمَرُ الْخَطَابَ فِي صُندُوقَ الْبَرِيدِ

: (Omar telah memasukkan surat ke dalam peti surat)

2. أَذْهَلَ الْخَطَابَ فِي صُندُوقَ الْبَرِيدِ

(Dimasukkan surat ke dalam peti surat)

Dalam contoh yang pertama perkataan bergaris sebagai objek akusatif yang dilakukan oleh kata kerja. Ayat ini merupakan ayat aktif. Contoh yang kedua pula merupakan jenis ayat pasif. Kata nama yang bergaris telah bertukar sebagai (pengganti

pelaku). Perubahan ini berlaku kerana baris pada kata kerja dibaca dengan dua keadaan sebagaimana di atas. Guru juga perlu membimbing dan merangsang dalam jiwa dan pemikiran pelajar.

5.4.5. Alat Bantu Mengajar

Alat bantu mengajar boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran di samping boleh dijadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Pihak sekolah hendaklah mewajibkan kepada guru bahasa Arab supaya menggunakan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran. Ianya juga dapat menarik minat pelajar serta memberi peluang kepada mengatasi masalah perbezaan individu di kalangan pelajar (Nicholls, S, H dan Audrey 1992 : 18). Bahan-bahan pengajaran dan alat bantu mengajar ada berbagai-bagai bahan itu mungkin dalam bentuk buku, carta atau slaid yang dipancarkan pada layar.

Dalam pengajaran ini penulis mencadangkan supaya guru menyediakan beberapa kad kata kerja transitif, intransitif, kata nama objek dan pelaku kepada empat kumpulan pelajar dalam kelas. Guru hendaklah memerhati pergerakan murid yang paling cepat melengkapkan ayat pada papan hitam dan mereka diberi markah. Kumpulan yang paling cepat dan tepat diberi ganjaran sebagai pengukuhan dan galakan.

Kecekapan memilih alat bantu mengajar dan bahan untuk pelajaran seharusnya dimiliki oleh setiap guru. Guru yang berhadapan dengan pelajar semestinya mengetahui cita rasa dan

kehendak, kebolehan serta keupayaan mereka. Pihak sekolah juga perlu meringankan bebanan kerja tugas di sekolah supaya guru dapat menggunakan alat bantu mengajar sepenuhnya. Menurut Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rasyid (1993 : 5), guru-guru hendaklah memikirkan kriteria-kriteria tersebut dalam usaha untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui komputer perlu dilaksanakan. Hal ini telah dinyatakan oleh Vaktorin 'Abud (1978 : 316), yang mana Universiti Texas di Amerika Syarikat telah menggunakan komputer dalam pengajaran bahasa Arab kepada penuntut berbahasa Inggeris semenjak tahun 70-an lagi.

5.5. PENUTUP

Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar masih lagi lemah terutamanya tentang frasa objek. Ianya berpunca dari kelemahan sampel mengenai pengelasan kata nama, kata kerja, sistem fleksi, struktur ayat dan jenis-jenisnya. Namun begitu tidak dinafikan bahawa terdapat pelajar yang mampu menguasainya hingga ke tahap yang amat baik. Ada juga sebahagian daripada pelajar mampu menguasai tajuk-tajuk tertentu sahaja. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka mata pelajar dan guru terhadap kepentingan objek untuk mencapai tahap kefahaman berkomunikasi yang tinggi. Akhir sekali pengkaji mengharapkan semoga kajian ini akan mendorong untuk pembikinan dan perluasan kajian tentang objek.